

29/10/2002

Kerahan tenaga perlu didahului kajian teliti

ISU mengenai keperluan melaksanakan kerahan tenaga berbangkit kembali. Pada masa lalu pun, cadangan ini sudah beberapa kali ditonjolkan tetapi entah di mana silapnya, ia terperap tanpa pelaksanaan. Namun, apabila ia ditimbulkan semula oleh aktivis sosial, Tan Sri Lee Lam Thye, dan Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) Gelang Patah, Chang See Ten, serta disusuli minat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk mengemukakan perkara itu kepada Kabinet, perbahasan mengenainya kembali bersemarak. Tanpa sesiapa dapat menafikannya, idea mewujudkan kerahan tenaga memang baik dalam usaha memupuk semangat patriotisme dan ketahanan nasional selain pemupukan integrasi dan perpaduan di kalangan rakyat. Apatah lagi ia membabitkan 600,000 hingga 700,000 rakyat berusia 18 tahun setiap tahun.

Dalam melaksanakan program sebesar itu, ketelitian amat diperlukan agar tidak tersasar daripada matlamat sebenarnya. Satu kajian menyeluruh perlu dilakukan tanpa didorong sikap terburu-buru sekadar untuk mengadakan sesuatu yang belum pernah dilakukan. Sama ada ia bermirip kepada latihan ketenteraan atau kerja sukarelawan, pengisian program berkenaan tidak dapat lari daripada menerapkan disiplin, patriotisme dan perpaduan tanpa mengira kaum. Cuma, masalah yang mungkin timbul ialah kerahan tenaga ini mungkin tidak menyeluruh untuk membabitkan semua remaja. Pasti ada pihak yang cuba mengelak daripada menyertainya. Oleh itu, satu mekanisme lengkap perlu difikirkan untuk memastikan setiap remaja dengan sukarela menyertai program ini tanpa pengecualian.